

MAJALAH PC

KOMPUTER • INTERNET • MULTIMEDIA

www.karangkraf.com/majalahpc
majalahpc.blogspot.com
facebook/majalahpc
ISSN 1675-0527

KDN PP8727/08/2011(028293)
HARGA: SEMENANJUNG: RM4.80

#174

JUN 2011

+ Menyorok fail sulit dalam storan USB

+ Mengesan perbankan palsu dalam talian



+ Kaspersky Lab
Iktiraf Pakar IT Muda

+ Membuang virus melalui sumber internet

RANGKAIAN SOSIAL FB HEBAT & POPULAR



GAMES
PORTAL
2



MENGESAN PERBANKAN PALSU DALAM TALIAN

MOTIF UTAMA KEGIATAN "PHISHING" HARI INI ADALAH UNTUK MENCURI BUTIRAN PERIBADI ATAU KEWANGAN ANDA MENERUSI CARA YANG TIDAK DISEDARI. SEBAGAI PENGGUNA INTERNET, ANDA TENTU TIDAK RELA MENJADI MANGSANYA. SEHUBUNGAN ITU, ANDA HARUS MEMILIKI PELAYAR WEB YANG LEBIH SELAMAT - SEPERTI MOZILLA FIREFOX 4.0 YANG DILENGKAPI APLIKASI DONTPHISHME 1.5.2.

Selain medium penularan malware, emel dan tapak web juga boleh digunakan untuk menipu pelanggan bank dalam talian (online). Aktiviti penipuan siber yang digelar "phishing" atau "spoofing" ini turut merentasi sempadan negara dan jelas menyalahi undang-undang. Motif utamanya untuk mencuri maklumat peribadi atau kewangan anda melalui cara yang tidak disedari. Sebagai pengguna internet, anda tentu tidak rela menjadi mangsanya. Sehubungan itu, anda harus memiliki pelayar web yang lebih selamat - seperti Mozilla Firefox 4.0 yang dilengkapi aplikasi DontPhishMe 1.5.2.


DontPhishMe merupakan sebuah aplikasi tambahan (addon) untuk pelayar Firefox; dari versi 2.0a1 hingga 4.2a1pre. Aplikasi ini melindungi warga internet di Malaysia dengan memberikan maklumat dan amaran mengenai tapak web bank palsu yang ditemui dalam talian. Setakat ini, beberapa bank tempatan telah disokongnya. Menariknya, aplikasi ini adalah hasil inisiatif MyCERT, CyberSecurity Malaysia. Selain Firefox, versi untuk pelayar Google Chrome juga disediakan. Mulai sekarang, anda sekeluarga dan rakan sepatutnya terhindar daripada menjadi mangsa "phishing".

Berikut adalah keterangan ringkas mengenai fungsinya dan panduan menggunakan secara langkah demi langkah.

CARA PENGGUNAAN

Langkah 1: Tanpa berlengah lagi, muat turun (download) fail perisian percuma ini di tapak web pembangunnya, di http://portableapps.com/apps/internet/browsers/portable_firefox. Atau, anda boleh menemuiinya di tapak web yang menyediakan aneka perisian seperti Softpedia (www.softpedia.com) atau sumber lain yang seumpamanya. Saiz failnya pula hanya kira-kira 13.5 MB serta menyokong pelbagai versi sistem operasi (OS) Windows seperti XP, Vista, & 7. Setelah dimuat turun, tempatkan failnya dalam sebuah folder untuk tindakan susulan (**Rajah 1**).

NOTA: selepas menguji versi mudah alihnya (Portable Firefox 4.0) anda boleh menguji versi yang perlu dipasang (Mozilla Firefox 4.0). Dapatkan failnya di <http://www.mozilla.com/en-US/firefox/> atau di www.softpedia.com.




Rajah 1


INFO PERISIAN:

Nama: DontPhishMe 1.5.2
Pembangun: MyCERT, CyberSecurity Malaysia
Lesen: Percuma (Freeware)
Saiz: 30 KB
Tapak web: <https://addons.mozilla.org/en-us/firefox/addon/dontphishme/>
Sumber lain: <http://www.mycert.org.my>
Sistem operasi: Windows (semua versi)

Langkah 2: Seterusnya, klik fail yang dimuat turun tadi untuk memulakan proses pemasangan. Semasa dipasang (install) anda perlu memilih lokasi untuk menempatkan direktori fail yang akan dihasilkan (**Rajah 2**). Kemudian ikuti arahan yang seterusnya hingga proses pemasangan tamat dan berjaya. Proses ini biasanya mengambil masa sekejap sahaja. Sebaik sahaja selesai dipasang, anda boleh membuka atau meninjau direktori fail yang berhasil. Di sini, anda akan menemui sebuah fail yang berlabel FirefoxPortable.exe bersama beberapa fail lain (**Rajah 3**).




Rajah 2



Rajah 3

Langkah 3: Klik pada fail FirefoxPortable.exe tadi untuk mengaktifkan pelayar web ini sekali gus menyangkang tetingkap atau pemuka utamanya. Sekali imbas tetingkapnya tidak banyak berbeza dengan versi yang terdahulu. Tetapi apabila diteliti, barisan menu nampaknya tidak kelihatan seperti biasa di sebelah atas tetingkap. Sebaliknya, menu itu 'tersembunyi' di sebalik butang jingga yang berlabel Firefox; di penjurut atas dan kiri tetingkap utama (**Rajah 4**). Apabila menu tersebut boleh disembunyikan, rupa pemuka utama pelayar web ini juga nampak lebih kemas.



Rajah 4

Langkah 4: Anda boleh mengklik pada butang jingga tadi untuk meninjau senarai menu yang tersedia **(Rajah 5)**. Di sini, anda boleh melihat dua senarai menu ditayangkan. Senarai pertama dilengkapi pilihan seperti New Tab, Edit, dan Print. Senarai kedua pula menyediakan pilihan seperti Bookmarks, History, Downloads, Add-ons, dan Options. Menerusi pilihan Add-ons anda boleh mengakses aplikasi tambahan yang akan dipasang nanti. Pilihan Options pula untuk membuat beberapa ketetapan dan boleh memaparkan semula barisan menu pelayar web ini.




Rajah 5

Langkah 5: Selepas itu, klik pilihan Add-ons tadi untuk membuka tetingkapnya yang dilengkapi empat kategori: Get Add-ons, Extensions, Appearance, dan Plugins. Melalui kategori Get Add-ons anda boleh mencari pelbagai aplikasi tambahan yang disediakan untuk dipasang. Jika anda tidak tahu alamat (URL) tepat aplikasi berkenaan, anda masih boleh mencarinya berdasarkan namanya, seperti aplikasi DontPhishMe 1.5.2. Jadi, taipkan namanya pada ruang di penjuru atas dan kanan pemuka utamanya **(Rajah 6)**. Kemudian, klik butang di sebelah kanannya.




Rajah 6


Langkah 6: Pelayar web Firefox akan membuat carian. Apabila aplikasi tersebut ditemui, namanya akan muncul dalam kategori Search. Seterusnya, klik pautan (link) berlabel More yang tersedia **(Rajah 7)**. Di sini, anda boleh membaca keterangan berkenaan fungsi dan senarai bank dalam talian yang disokongnya **(Rajah 8)**. Selepas itu, klik butang berlabel Install untuk memulakan proses pemasangan **(Rajah 9)**. Sebuah tetingkap yang berlabel End-User License Agreement akan dipaparkan. Klik butang Accept and Install untuk memasangnya **(Rajah 10)**.




Rajah 7



Rajah 8




Rajah 9




Rajah 10


Langkah 7: Apabila anda mengklik pautan yang berlabel Restart now, pelayar web ini akan diaktifkan kembali dan pemasangan akan disempurnakan (**Rajah 11**). Selain cara tadi, anda boleh pergi terus ke laman web aplikasi DontPhishMe jika anda sudah tahu alamatnya. Setelah membaca keterangannya, klik butang berlabel Continue to Download (**Rajah 12**). Apabila laman yang berlabel End-User License Agreement ditayangkan, klik butang Accept and Install untuk memasangnya (**Rajah 13**) dan fail aplikasi DontPhishMe akan dimuat turun (**Rajah 14**).



Rajah 11



Rajah 12




Rajah 13




Rajah 14


Langkah 8: Seterusnya, sebuah tetingkap yang berlabel Software Installation akan dibuka. Anda perlu mengklik pada butang yang berlabel Install Now untuk meneruskan proses pemasangan (**Rajah 15**). Kemudian, anda perlu menunggu sebentar apabila prosesnya berlangsung. Selepas itu, anda perlu mengklik butang Restart Now untuk mengaktifkan kembali pelayar web ini (**Rajah 16**). Tujuannya, untuk menyempurnakan proses pemasangan tadi. Seterusnya, anda boleh melihat aplikasi DontPhishMe telah disenaraikan dalam kategori Extensions (**Rajah 17**).



Rajah 15




Rajah 16



Rajah 17

Langkah 9: Sekarang, anda boleh menguji kemampuan aplikasi DontPhishMe yang dipasang tadi. Bagi panduan ini, sebuah emel perbankan palsu telah digunakan. Emel tersebut dikirim oleh penjenayah siber seolah-olah dari sebuah bank tempatan. Sementara itu, mesejnya meminta mangsa (pelanggan bank tersebut) agar mengemaskini maklumat akaun; kononnya untuk membolehkan mereka terus menggunakan khidmat perbankan dalam talian. Pautan (link) yang disertakan dalam emel akan membawa mangsa ke tapak web palsu bank tersebut (**Rajah 18**).

NOTA: ruang alamat (URL) pelayar web Firefox juga memaparkan alamat sebenar tapak web palsu tersebut. Jadi, perhatikan betul-betul pada alamatnya. Adakah alamat bank yang sebenar atau alamat pelik dan mencurigakan?



Rajah 18

Langkah 10: Jika pautan tersebut diklik, pelayar web Firefox yang telah dilengkapi aplikasi DontPhishMe akan memaparkan sebuah laman peringatan. Laman ini melaporkan bahawa pautan atau tapak web yang diakses tadi adalah palsu atau satu penipuan. Jadi, aplikasi DontPhishMe telah menyekatnya. Bagi mendapatkan keterangan lanjut mengenainya, klik butang yang berlabel Why was this page blocked? (**Rajah 19**). Kemudian, pelayar web ini akan menayangkan laman web mengenai "phishing" dan cara menanganiinya (**Rajah 20**). Selamat mencuba!



Rajah 19

Firefox - http://www.mozilla.com/en-US/firefox/phishing-protection/

Phishing and Malware PROTECTION

Firefox 3 or later contains built-in Phishing and Malware Protection to help keep you safe online. These features will warn you when a page you visit has been reported as a Web Forgery of a legitimate site (sometimes called "phishing" pages) or as an Attack Site designed to harm your computer (otherwise known as malware).

Frequently asked QUESTIONS

- + **What is a Web Forgery? What is Phishing?**
- + **What is an Attack Site? What is Malware?**
- + **How does Phishing and Malware Protection work in Firefox?**
- + **What information is sent to Mozilla or its partners when Phishing or Malware protection builds a new list?**

Rajah 20